

Pemikiran Teologi Hassan Hanafi: Perspektif Teologi Antroposentrik sebagai Langkah Pembumian Teologi Islam

HILMAN FIKRI AZMAN

1 Pendahuluan

Akhir-akhir ini, persoalan kemelut sosial yang melanda tamadun manusia membuatkan kita tertanya-tanya satu persoalan yang cukup krusial, apakah fungsi agama dalam membendung segala permasalahan ini. Padahal agama hadir untuk memberikan keselamatan dan perdamaian, serta menciptakan masyarakat yang bermoral baik dan adil. Apakah agama ini terlalu ideal, sehingga menyulitkan praksis prinsip-prinsipnya? Seorang pemikir muslim yang mengambil berat masalah ini dan serius untuk meluruskan tradisi umat Islam adalah Hassan Hanafi. Oleh itu, pemikiran Hassan Hanafi adalah amat menarik untuk dikaji di abad moden ini tatkala pelbagai penyakit menghinggapi batang tubuh umat Islam. Menurutnya, realiti dunia Islam pada saat ini menggambarkan praktik keberagamaan (keislaman) yang hanya menjadi ritual-ritual kosong yang tidak bernilai.¹ Teologi keberagamaan umat Islam yang berkembang semenjak berabad-abad dari klasik hingga saat ini masih sibuk mengurus dan membicarakan peribadi Tuhan, dan ini merupakan sesuatu yang tidak diperintahkan al Qur'an.

¹Hanafi 1991, hlm. 20.

Sebagai seorang pembaharu pemikiran Islam, Hassan Hanafi menerkam apungan-apungan metafizik di langit, mengubah dan menurunkannya ke bumi menjadi teologi yang mendiskusikan persoalan manusia dengan realiti yang konkrit, menjadikan doktrin wahyu sebagai suatu elemen antroposentrik, bukan berada jauh dari realiti dan digunakan oleh ustaz-ustaz atau ahli kalam sahaja. Menurut Hassan Hanafi, kematian manusiawi yang terjadi selama ini, akibat telah keluar dari terma teologinya.

Teori yang digagas beliau bukan lagi teologi beku yang elitis, rumit, melangit dan terlalu teoretikal. Perbahasannya bukan lagi tentang menguruskan hakikat sifat dan perbuatan (af'āl) Allah Taala, kerana urusan-urusan tersebut merupakan urusan Allah Taala sendiri sebagai zat yang lebih mengetahui mengenai diriNya. Teologi ini adalah teologi yang membumi, praktikal, dinamik dan transformatif, sejenis etika Tauhidik yang bermatlamat untuk melahirkan kaum Muslimin yang profesional, generasi insaniah yang menumpaskan kezaliman, mengejar ketertinggalan, membasmi kemiskinan dan kemunduran.

Penulis telah mencuba sedaya upaya untuk melakukan perjalanan sejarah sosial kehidupan Hassan Hanafi. Hal ini adalah amat penting memandangkan sesiapa yang mengemukakan gagasan pemikiran mengenai sesuatu, pasti akan serba sebanyak dipengaruhi oleh sejarah saat pemikirannya terbentuk. Penelusuran sejarah kehidupan dan pemikiran ini menjadi pisau analisa untuk menemukan karakter pandangan Hassan Hanafi terhadap teologi.

2 Sejarah Kehidupan

Hassan Hanafi lahir pada 13 Februari 1935 di Kaherah, kota tempat dibangunkan Universiti al-Azhar. Sejak kecil, Hassan Hanafi telah hidup dalam iklim penjajahan dan dominasi pengaruh bangsa asing. Dia lahir dan dibesarkan di saat kondisi sosial politik Mesir penuh pergolakan dan pertentangan. Suasana ini membangkitkan sikap patriotik dan nasionalismenya. Tatkala berusia 13 tahun, beliau telah mendaftarkan diri sebagai sukarelawan perang menentang Israel pada tahun 1948 dalam perang Arab-Israel untuk merebut laluan perdagangan strategik Terusan Suez. Sayangnya Hassan Hanafi ditolak oleh Pemuda Muslimin kerana usianya yang masih terlalu muda. Walaubagaimanapun, semangat anak muda ini kental, dan beliau tetap mengabdikan diri untuk membantu gerakan revolusi

yang telah dimulai pada akhir tahun 1940-an, sehingga revolusi itu meletus pada tahun 1952. Penolakannya daripada menyertai Pemuda Muslimin dan Ikhwanul Muslimin telah menyebabkan beliau memutuskan beralih angin untuk mendalami pemikiran-pemikiran keagamaan, revolusi, dan perubahan sosial. Ini pula yang menyebabkan ia lebih tertarik pada pemikiran-pemikiran Sayyid Qutb, seperti tentang prinsip-prinsip keadilan sosial dalam Islam.²

Selama 4 tahun Hassan Hanafi belajar di Universiti Kaherah untuk mendalami bidang falsafah dan menyandang gelaran sarjana muda. Selama kuliah ia merasakan situasi yang paling buruk di Mesir, seperti pertentangan keras antara Ikhwan dengan gerakan revolusi. Hassan Hanafi berada pada pihak Muhammad Najib yang berhadapan dengan Nasser, karena baginya Najib memiliki komitmen dan visi keislaman yang jelas.³ Kejadian-kejadian ini, terutama yang ia hadapi di kampus membuatnya bangkit menjadi seorang pemikir, pembaru, dan reformis. Keprihatinannya saat itu adalah mengapa umat Islam selalu dapat dikalahkan dan konflik internal terus terjadi.

Sebenarnya, dilihat dari sisi pemikiran. Maka ada tiga kelompok pemikiran yang berbeda dan bersaing saat itu. Pertama, kelompok yang cenderung pada Islam (*the Islamic Trend*) yang diwakili oleh al-Banna dengan Ikhwanul Muslimin-nya. Kedua, kelompok yang cenderung pada pemikiran bebas dan rasional (*the Rasional Scientific and Liberal Trend*) yang diwakili oleh, Lutfi al-Sayyid dan para emigran Syria yang lari ke Mesir. Dasar pemikiran kelompok ini bukan Islam tetapi peradaban Barat dengan prestasi-prestasinya. Ketiga, kelompok yang berusaha memadukan Islam dan Barat (*the Syntetic Trend*) yang diwakili oleh 'Ali 'Abdul Raziq (1966).⁴

Kemudian, beliau meneruskan pengajiannya ke Sorbonne, Perancis untuk ijazah sarjana dan kedoktoran. Sijil Ph.D beliau beroleh pada 1966. Di sini ia memperoleh lingkungan yang kondusif untuk mencari jawapan atas persoalan-persoalan mendasar yang sedang dihadapi oleh negerinya dan sekaligus merumuskan jawapan-jawapannya. Di Perancis inilah ia dilatih untuk berfikir secara metodologis melalui kuliah-kuliah mahupun bacaan atau karya-karya orientalis. Ia sempat belajar dengan reformis Katolik, Jean

²Soleh 2014.

³Soleh 2014.

⁴Soleh 2014.

Guitton, Paul Ricouer, dan Profesor Masnion.⁵

Setelah pulang dari Perancis pada tahun 1966 Hassan Hanafi bersemangat mengembangkan tulisan-tulisannya tentang pembaharuan pemikiran Islam, akan tetapi kekalahan Mesir dalam perang melawan Israel tahun 1967 telah mengubah niatnya. Ia kemudian ikut serta dengan rakyat berjuang dan membangun kembali semangat nasionalisme mereka.

Di sisi lain, untuk menunjang perjuangannya itu, Hassan Hanafi juga mulai memanfaatkan pengetahuan-pengetahuan akademik yang telah beliau perolehi dengan memanfaatkan media massa sebagai corong perjuangannya. Beliau telah menulis banyak artikel untuk menanggapi masalah-masalah aktual dan melacak faktor kelemahan umat Islam.

Selain berjuang dengan tulisan-tulisan revolusioner pembaharuannya Hassan Hanafi juga mengajar di Universiti Kaherah dan beberapa universiti luar negara. Beliau sempat menjadi profesor tamu (*visiting professor*) di Perancis pada 1969. Kemudian, dari tahun 1971 sehingga 1975 beliau mengajar di Universiti Temple, Amerika Syarikat. Hijrahnya ke Amerika telah memberinya kesempatan untuk banyak menulis tentang dialog antara agama dengan revolusi.⁶ Setelah pulang dari Amerika, barulah beliau mulai menulis mengenai pembaharuan pemikiran Islam. Namun segera ia dihadapkan pada gerakan anti-pemerintah Anwar Sadat yang pro-Barat dan “berkolaborasi” dengan Israel. Beliau terpaksa terlibat untuk membantu menjernihkan situasi menerusi tulisan-tulisannya yang berlangsung antara tahun 1976 hingga 1981. Tulisan-tulisannya itulah yang kemudian tersusun menjadi buku *al-Dīn wa al-Thawrah*, atau Agama dan Revolusi.⁷

Berdasarkan pengalaman hidup yang diperoleh Hassan Hanafi sejak masih usia remaja membuat beliau memiliki perhatian yang begitu besar terhadap persoalan umat Islam. Oleh itu, meskipun tidak secara sepenuhnya mengabdikan diri untuk sebuah pergerakan tertentu, beliau pun banyak terlibat langsung dalam kegiatan-kegiatan pergerakan-pergerakan yang ada di Mesir.

Teologi menjadi sangat penting dalam Islam kerana dengan teologi ketuhananlah menjadi dasar pendirian umat Islam untuk bertindak dalam apa-apa hal pun, baik dalam ibadah vertikal

⁵Rohman 2010.

⁶Badruzaman t.th.

⁷Hanafi 1991.

mahupun horizontal. Melihat begitu signifikannya keberadaan teologi bagi umat Islam dalam menyelesaikan masalah-masalah semasa, maka Hassan Hanafi mengambil pendekatan dimensi teologi, dengan harapan ia kemudiannya mampu dijadikan sebagai pelonjak atau pemicu projek-projek untuk membangunkan semula tamadun Islam, merealisasikan tugasnya sebagai khalifah.⁸ Teori tentang ketuhanan, terutamanya tauhid adalah sangat sedikit sekali dalam al-Quran. Teori ketuhanan yang terdapat dalam al-Quran adalah seruan-seruan untuk merenungkan keluasan dan keteraturan alam semesta. Ia tidaklah bertujuan untuk meneguhkan eksistensi teori ketuhanan yang sedia wujud, melainkan untuk tujuan iman dan amalan manusia dalam kegiatan sehari-hari. Seorang Muslim, tidak cukup sekadar memuji Allah Taala dengan keagunganNya dan mengharapkan rahmat Allah sahaja, akan tetapi harus juga melakukan kebajikan yang dikehendaki Allah sebagai pewaris bumi atau khalifah.

3 Ibadah Vertikal dan Horizontal

Dalam menanggapi ayat-ayat deskriptif Tuhan – yakni sifat-sifatNya – daripada tersepit di tengah-tengah sebagai seekor pelanduk Sumatera, antara dua gajah *Ashā'irah* dan *Salafiyah*, saya lebih selesa dengan pandangan Hassan Hanafi kerana ia lebih Islamik, realistik dan membumi.

Menurut Hassan Hanafi, konsep atau teks tentang sifat-sifat Tuhan tidak semestinya menunjuk kepada kesucian Tuhan sahaja seperti yang ditafsirkan oleh ahli Kalam. Jika anda menekuni tulisan Spinoza, anda pasti berasa amat yakin dan percaya bahawa Tuhan kita terlalu kudus, dan teramat transenden.⁹ Hakikat ketuhanan Allah tidak sesekali dapat dicapai oleh akal kita yang sangat lemah dan terhad ini dibandingkan dengan hakikat keagungan Tuhan. Oleh itu, apabila Tuhan menyifatkan dirinya sebagai *al-Rahmān*, *al-Ra'ūf*, *al-Syakūr*, *al-Sabūr* dan lain-lain sifatnya yang sangat mulia, memahaminya sebenarnya lebih mengarah kepada pembentukan manusia yang baik, manusia yang ideal, atau dalam bahasa 'Abdul Karim al-Jilli, Insan Kamil.

⁸*Ghufron t.th.*

⁹*Hanafi 1990.*

Dalam menanggapi sifat-sifat Tuhan juga, Hassan Hanafi mengkritik teologi klasik.¹⁰ Menurutnya, selagi mana teologi klasik enggan menyuarakan masalah kemiskinan dan kemunduran umat, maka dunia Islam tidak akan maju. Oleh itu, sebagaimana umat Islam mementingkan ibadah vertikal kepada Tuhannya, begitu juga mereka seharusnya mementingkan ibadah horizontal menerusi peribadi mengambil berat terhadap saudara Islamnya di bumi ini.

Mengapa kita gemar sungguh mempertahankan hak-hak Tuhan yang lebih mampu daripada kita berbanding mempertahankan hak-hak manusia? Seolah-olah Tuhan itu tidak Maha Kaya ke atas seluruh alam. Sedangkan agama mengajar kita untuk mewujudkan kemaslahatan manusia. Sesungguhnya Tuhan tidak memerlukan penyucian daripada manusia, kerana tanpa pujian daripada manusia pun Tuhan adalah tetap Maha Suci dengan segala kesempurnaanNya. Menurut kaum Muktazilah sendiri (tanpa melupakan kecacatan lain pada ideologi Muktazilah), sifat-sifat Tuhan seperti yang disebut dalam *Asmā al-Husnā* sebenarnya adalah pelajaran bagaimana manusia seharusnya bertindak dan bersikap. Ini bermaksud, sifat-sifat itu seharusnya dimiliki dan dipraktikkan oleh seorang Muslim. Berbalik kepada konsep Insan Kamil tadi, al-Jilli menyebutnya sebagai orang yang mampu merefleksikan sifat-sifat keagungan Tuhan sehingga ia menjadi manifestasi Tuhan di bumi. Tentunya kita turut teringat Rumi dan Iqbal yang menerusi puisi mereka menyeru agar kita bersikap dengan sifat-sifat Tuhan.

Walaubagaimanapun, kita tidak boleh lari daripada memahami al-Quran sebagai kitab yang mempunyai nilai-nilai teosentriknya yang tersendiri. Tidaklah kesemuanya sifat-sifat itu mengajukan kepada antroposentrik, seperti yang didakwa oleh Hassan Hanafi. Jika al-Quran menyifatkan Allah sebagai Tuhan yang amat Pengasih, maka kita akan memahami Allah sebagai yang Maha Mengasihani dan pada masa yang sama cuba untuk mengimitasi sifat Tuhan yang mulia itu di bumi ini agar mentransformasi diri ini menjadi Insan Kamil. Tentunya matlamat diisinya al-Quran itu dengan sifat-sifat Tuhan bukan sekadar demi agenda sosial dan praktikal yang antroposentrik sahaja, dengan melepaskan diri daripada nilai-nilai spiritual dan metafizik. Oleh itu, kita mengekalkan kefahaman terhadap al-Quran seperti sedia ada, cuma ditambah nilai agar ajaran-ajarannya itu dibumikan.

¹⁰Hanafi 1990.

4 Sifat-Sifat Tuhan yang Diantroposentrikkan

Hassan Hanafi merupakan orang yang amat risau dengan situasi umat Islam semasa. Beliau telah berikhtiar seupayanya untuk menggagas teologi Islam sebagai solusi terhadap masalah peribadi yang melatari kemunduran dengan membumikan 6 sifat tauhid dalam sifat 20 aliran *Ashā'irah*:

4.1 Wujud

Wujud. Menurut Hassan Hanafi, wujud di sini boleh difahami berbicara mengenai tuntutan wujud manusia atau *Tajribah Wujūdiyyah*.¹¹ Tuhan tidak memerlukan pengakuan manusia, dan tanpa manusia untuk mengakuinya pun Tuhan akan tetap wujud. Tuntutan yang dimaksudkan adalah tuntutan untuk menunjukkan eksistensi manusia. Allama Iqbal pernah menyebutkan ini dalam syairnya, bahawa kematian bukanlah ketiadaan nyawa, akan tetapi kematian adalah ketidakmampuan untuk menunjukkan eksistensi diri.

4.2 Qidam

Qidam maksudnya sedia ada. Di sini Qidam telah ditafsirkannya sebagai memahami pengalaman kesejarahan yang mengacu kepada akar-akar keberadaan manusia dalam masyarakat pada hari ini.¹² Penerusan misi yang digagas entiti yang dikongsikan oleh insan, baik gerakan, parti politik, negara atau umat keseluruhannya. Menjadikan Qidam sebagai peribadi seseorang individu akan melatihnya menjadi seorang ideolog yang baik seiring beredarnya zaman. Qidam merupakan modal pengalaman dan pengetahuan sejarah yang digunakan untuk melihat realiti masa depan. Tuntutan untuk peka terhadap sejarah silam nenek moyang kita adalah esensi fundamental sifat Qidam agar kita tidak mengulang kesilapan silam, sehingga tidak lagi terjatuh dalam kesesatan, taqlid dan kesalahan. Begitu juga agar kita menghubungkan peribadi kita dengan nenek moyang, dengan itu kita mempunyai identiti dan jati diri.

¹¹Hanafi 1990.

¹²Hanafi 1990.

4.3 *Baqā'*

Baqā' maksudnya kekal. Kekal lawannya adalah musnah (*fanā'*.) *Baqā'* bererti tuntutan kepada manusia untuk menjadikan dirinya kekal, tidak cepat rosak atau fana'.¹³ Insan dituntut untuk menjadi kekal dengan menjaga pemakanan yang seimbang, melakukan hal-hal yang konstruktif baik secara fizikal atau mental dan menjauhi tindakan-tindakan yang merosakkan diri sendiri dan alam sekitar. *Baqā'* turut difahami sebagai tuntutan untuk menjaga kelestarian alam.

Baqā' juga menuntut manusia agar berusaha untuk menjadi Insan Kamil yang berwawasan dan futuristik. Insan yang menjelmakan sifat *Baqā'* mampu meninggalkan karya-karya, idea serta sumbangan yang besar yang bermanfaat buat umat dan akan berkekalan selepas kematiannya nanti, sehingga disangka-sangka bahawa dirinya masih hidup lagi.

4.4 *Mukhālafatuh li al-Hawādith*

Mukhālafatuh li al-Hawādith yang bermaksud berbeza dengan lainnya. Sifat ini menuntut agar manusia melakukan ijihad-ijihad baru, melakukan penemuan yang baru di dunia ini agar tidak sama dengan lainnya, tidak bertaqlid pada pemikiran orang atau budaya lain.¹⁴

Insan yang menghidupkan perwatakan *Mukhālafatuh li al-Hawādith* juga tidak akan melakukan plagiarisme dalam segenap aspek kehidupan.

4.5 *Qiyāmuh bi Nafsih*

Qiyāmuh bi Nafsih bermaksud mandiri. *Qiyāmuh bi Nafsih* berkait rapat dengan sifat *Mukhālafatuh li al-Hawādith*. Manusia dituntut agar mampu berdiri secara mandiri dan berpijak di atas kaki sendiri. Gerakan yang dilakukan secara terencana dan penuh kesedaran adalah gerakan *Qiyām bi Nafsih*, yang menuju kepada sebuah tujuan akhir yakni *Mardātillah*, sesuai dengan segala potensi dan kemampuan diri. Penjelmaan sifat mulia ini dalam peribadi insan mampu menghapuskan gejala kebergantunganisme yang sekian lama mencengkam serebrum umat Islam.

¹³Hanafi 1990.

¹⁴Hanafi 1991.

Jika diluaskan skop pandangan, dalam skala yang lebih besar, sifat ini secara tidak langsung turut menuntut kepada pembinaan sebuah negara yang bersifat *Qiyām bi Nafsih*. Sebuah negara madani yang mandiri, yang tidak bergantung kepada pihak luar, yang lancar aliran tunainya. Negara yang mampu memanfaatkan mahsul bumi sekadarnya untuk rakyat dan menggunakan kekuatan dalam negara untuk menjana ekonomi dan memakmurkan negara. Ianya merupakan pembinaan sebuah negara dengan jati diri tersendiri, tanpa perlu bergantung kepada sesiapa, umpama slogan *Lā Sharqiyyah wa lā Gharbiyyah* yang dilaung-laungkan semasa Revolusi Iran.

4.6 *Wahdāniyah*

Wahdāniyah yang bererti kesatuan. Selain kefahaman keesaan Allah yang menentang konsep Trinita atau politeisme dalam agama lain, *Wahdāniyah* dapat difahami lebih mengarah kepada ciri kemanusiaan. *Wahdāniyah* menyeru kepada kesatuan: kesatuan matlamat dan tujuan dalam berorganisasi, kesatuan kelas masyarakat, kesatuan tanah air, kesatuan kebudayaan dan kesatuan kemanusiaan. Perpaduan dan kesatuan antara insan sering menjadi tema utama ajaran Islam. Sungguh, kesatuan adalah sumber kekuatan dan keperkasaan.

Kesatuan kelas menuntut kepada penghapusan strata sosial serta golongan elit. Tiada lagi istilah VIP. Tiada lagi kaum tertindas. Tiada lagi hierarki sosial seperti sistem kasta yang diamalkan dalam Hinduisme. Masyarakat akan diberikan hak masing-masing tanpa diskriminasi bangsa atau agama. Kemiskinan dikurangkan dan kekayaan diagih-agihkan dengan adil menurut perbezaan pendapatan keluarga.

Seiring dengan istilah *Wahdāniyah*, kalimat Tauhid turut berkongsi kata akar yang sama. Menurut Hassan Hanafi, apabila dibumikan dan dihayati, Tauhid boleh ditafsirkan sebagai kesatuan peribadi manusia yang jauh daripada sikap dualistik seperti hipokrit, kemunafikan dan perilaku oportunistik. Mutahhari juga pernah menyebutkan dalam kitabnya, Allah dalam Kehidupan Manusia, bahawa jika dibiarkan sekadar nilai teologi yang sangat abstrak dan kudus, konsep Tauhid tidak mempunyai makna kepada manusia melainkan setelah direalisasikan dalam kehidupan konkrit, sama ada dimanifestasikan dalam bentuk ibadah vertikal ataupun ibadah horizontal dalam kehidupan sosial.

5 Teologi Tanah menurut Hassan Hanafi

Tanah mempunyai ikatan emosional dengan masyarakat. Tanah merupakan tempat manusia dilahirkan hidup dan meninggal dunia, dengan konotasi seperti 'Tanah tumpahnya darahku'. Menambahkan nilai emosional dan romantisisme manusia dengan tanah, Islam mengajarkan bahawa manusia sendiri tercipta daripada tanah. Permasalahan-permasalahan yang memerlukan jawapan yang eksplisit daripada pihak berwajib:

1. Meningkatnya jumlah penduduk dan kegiatan pembangunan
2. Tiada kebijaksanaan dalam pengurusan tanah yang mengutamakan kepentingan awam
3. Penyalahgunaan kuasa dalam pencabutan hak tanah

Tanah masyarakat yang mempunyai fungsi sosial dikorbankan demi pembangunan dan perancangan kerajaan. Warga miskin yang hidupnya bergantung kepada hasil bumi tiba-tiba kehilangan punca pendapatan gara-gara ideologi modenisasi yang mempengaruhi kerajaan.

Memperdayakan kegiatan-kegiatan sumber agraria benar-benar merupakan suatu yang menguntungkan masyarakat andai hasil yang dipulangkan kepada masyarakat cukup dan memuaskan. Industri kayu, minyak, gas dan sumber mineral lainnya yang dijana dengan cukup teratur dan amanah akan membuah hasil yang baik untuk kesejahteraan manusia sejagat dan negara bersama. Prinsip egalitarian menjadi tunjang utama dalam aplikasi teologi tanah ini.

Namun, apabila pecah amanah dan kronisme menyusup masuk dalam pengurusan, ia bakal bertukar wajah menjadi semacam industri yang dieksploitasi oleh pihak-pihak tertentu untuk kepentingan peribadi, sekaligus mengabaikan maslahat awam. Kekayaan bumi seharusnya menjadi hak setiap anak watan bumi pertiwi. Fungsi sosial tanah tenggelam dengan meningkatnya nilai ekonomi tanah seiring meningkatnya keperluan untuk projek-projek pembangunan dan pemodenan. Fungsi sosial tanah telah digantikan dengan fungsi komersial sebagai bisnis yang menjanjikan keuntungan.

Melihat sejumlah penyelewengan atas kepemilikan dan penguasaan ke atas tanah oleh manusia inilah yang menyebabkan Hassan Hanafi ingin mengembalikan kepemilikan tanah kepada makna asalnya yang asli. Antara tafsiran Hassan Hanafi yang beraroma revolusioner adalah seperti yang dilakukannya terhadap ayat "*Rabb al-Samāwāt wa al-'Ard*", bahawasanya Tuhan dalam Islam bukan

sekadar Tuhan langit, seperti tuhan Anshar yang diimani oleh kaum Mesopotamia, atau Zeus yang diiktikad oleh bangsa Greek, akan tetapi Allah itu juga merupakan Tuhan Bumi dan segala objek yang wujud. Dengan tafsiran ini, Hassan Hanafi bermaksud ingin mengembalikan kefahaman betapa sebenarnya tanah tersebut diciptakan dan diperuntukkan bagi manusia umumnya.¹⁵

Hassan Hanafi memandang kepemilikan tanah adalah hak milik mutlak Allah Taala, kerana ianya merupakan ciptaanNya. Sementara kepemilikan manusia terhadap tanah hanyalah bersifat majazi yang diberikan oleh Allah kepada manusia.¹⁶ Manusia hanya berhak memanfaatkan dan menggunakan tanah dengan syarat ia digunakan dengan sebaik-baiknya. Dengan aplikasi teologi *Rabb al-'Ard* yang dibumikan ini, maka terwujudlah keadilan sosial dalam pemilikan tanah dan pemanfaatannya. Secara ringkasnya, kita gelarkannya teologi tanah.

Oleh itu, amalan-amalan yang berkaitan dengan maslahat awam tidak boleh dieksploitasi secara peribadi kerana tanah adalah milik Allah yang mesti digunakan ke arah kebaikan manusia seluruhnya. Kegiatan-kegiatan agrikultur seperti pertanian, dan industri yang dikembangkan yang bersumberkan hasil dari perut bumi dan atasnya merupakan bahan-bahan mentah yang tidak boleh dimiliki secara peribadi. Maka, berjuang membela dan mempertahankan kekuasaan tanah kaum Muslimin juga adalah ibarat membela dan mempertahankan kekuasaan Tuhan.

6 Penutup

Segala prinsip teologi baru yang telah dibina oleh Hassan Hanafi dalam usahanya untuk merekonstruksi pemikiran teologi umat Islam adalah merupakan suatu hal yang sia-sia dan membuang masa untuk ditelaah sekiranya tidak diamalkan. Sebagaimana dalam banyak ilmu yang kita pelajari, sekiranya tidak disertai dengan praktis, maka ia sia-sia. Kita sudah tidak punyai banyak masa.

¹⁵Thaher 2013.

¹⁶Hanafi 1991.

Rujukan

Badruzaman, Abad

t.th. *Kiri Islam Hassan Hanafi: Menggugat Kemapanan Agama dan Politik.*

Ghufron, Mohamad

t.th. *Teologi Antroposentris Hassan Hanafi.*

Hanafi, Hassan

1990 *Hiwār al-Mashriq wa al-Maghrib*, Kaherah: Maktabah Madbuli.

1991 *Al-Dīn wa al-Thawrah fī Misr*, Kaherah: Maktabah Madbuli.

Rohman, Ma'tufathu

2010 *Gagasan Reaktualisasi Pemikiran Islam Hassan Hanafi*, Jogjakarta: Universiti Islam Sunan Kalijaga.

Soleh, H. A. Khudori

2014 *Filsafat Islam: dari Klasik hingga Kontemporer*, Jogjakarta: Ar-Ruzz Media.

Thaher, Asmuni

2013 *Pemikiran Akidah Humanitarian Hassan Hanafi*, Yogyakarta: Jurnal Fenomena Universitas Islam Indonesia.